

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI HASAN ARIFIN

TARIKH : 1.8.2017

SOALAN : NO.81

Dato' Sri Hasan Arifin [Rompin] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan dasar pusat pengajian tinggi awam dan swasta mengambil pelajar yang mempunyai keputusan yang lemah menyebabkan pelajar-pelajar ini mengambil bidang kursus yang tidak bermanfaat kepada mereka. Sebaliknya kemasukan mereka sekadar dilihat sebagai belajar dan bercuti. Sepatutnya mereka ini boleh di arahkan ke sektor latihan teknikal yang lebih bermanfaat. Apakah langkah Kerajaan untuk mengatasinya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengambilan pelajar baharu ke Universiti Awam (UA) adalah mengguna pakai prinsip meritokrasi iaitu 90 peratus markah akademik dan 10 peratus markah ko-kurikulum. Terdapat beberapa bidang yang memerlukan calon melalui proses temuduga antaranya bidang perubatan, pendidikan, farmasi, kimia, bakat dan sukan.

Semua calon yang layak dengan markah merit tertinggi tidak dinafikan peluang untuk mengikuti pengajian di UA. Calon-calun yang layak dan memenuhi Syarat Am Universiti, Syarat Khas Program Pengajian serta memenuhi kriteria kemasukan yang telah ditetapkan oleh Senat Universiti. Kejayaan calon untuk memperoleh tempat bergantung kepada

susunan merit dan pemilihan program pengajian di UA yang dipohon serta bilangan tempat yang disediakan oleh UA.

Bagi institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) pula, pelajar yang diterima masuk sesuatu kursus di IPTS perlu memenuhi sekurang-kurangnya kelayakan minima yang telah ditetapkan. Bagi memastikan kursus yang ditawarkan mempunyai potensi kebolehpasaran dan relevan dengan pasaran semasa, tempoh sah laku adalah 5 tahun sahaja. Sekiranya suatu kursus tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan kelulusan sesuatu kursus pengajian tersebut boleh ditarik balik.

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) pada masa kini sedang dalam usaha mengarusperdanakan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), KPT telah mengambil usaha dan inisiatif untuk menjadikan TVET sebagai pilihan utama seiring dengan matlamat mewujudkan 1.5 juta pekerjaan berasas TVET menjelang 2020 dengan sasaran pengambilan pelajar setiap tahun seramai 165,000 orang. Lonjakan 4 dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPM(PT) memberi tumpuan kepada penghasilan graduan TVET yang berkualiti. Bagi mencapai hasrat tersebut, strategi utama yang telah diambil oleh KPT adalah bekerjasama dengan pihak industri dan mengupayakan industri untuk menerajui reka bentuk kurikulum dengan membangunkan model perkongsian baharu. Di samping itu, kualiti penyampaian menerusi perantisan, latihan praktikal, simulasi dan program latihan khusus majikan akan terus dipertingkatkan dan diperkasakan.

SOALAN NO.82

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN [INDERA MAHKOTA]****TARIKH : 1 OGOS 2017****SOALAN :**

YB Dato' Fauzi Bin Abdul Rahman [Indera Mahkota] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bersedia mengeluarkan Kertas Putih di atas isu FELDA dan FGV memandangkan terlalu banyak berita negatif terhadap keduanya.

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan belum berhasrat untuk mengeluarkan Kertas Putih bagi isu FELDA dan FGV memandangkan belum ada keperluan berbuat demikian buat masa ini dan tindakan telah diambil bagi menangani isu-isu yang berbangkit.

Sekian, terima kasih.